

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kutipan denda daripada syarikat dan individu yang melanggar PKP daripada bulan Mac hingga akhir bulan Jun 2020. Berapa syarikat dan individu telah didakwa ke mahkamah atas kesalahan pelanggaran PKP.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 dan seterusnya diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sejak 4 Mei 2020. PKPB telah berakhir pada 9 Jun 2020 dan telah digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan atau PKPP yang bermula pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020.

Lanjutan daripada pengisytiharan tersebut, langkah-langkah susulan telah diambil bagi menyelaraskan dan memperincikan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan tersebut. Beberapa siri mesyuarat penyelarasan antara agensi kerajaan telah diadakan untuk memperincikan pelaksanaan perintah-perintah tersebut dalam memastikan ianya dapat berjalan dengan baik dan lancar.

Pihak PDRM turut bertanggungjawab dalam menjalankan penguatkuasaan terhadap individu mahupun premis/syarikat yang ingkar PKP. Walau bagaimanapun, pihak PDRM tidak menyimpan data jumlah kutipan denda yang telah diterima. Menurut maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, bagi tempoh Mac hingga Jun 2020, jumlah kutipan denda daripada syarikat dan individu yang ingkar PKP dan telah dijelaskan adalah sebanyak RM5,928,000 juta. Pihak PDRM hanya mengeluarkan kompaun kepada individu dan juga premis. Jumlah kompaun yang telah dikeluarkan terhadap premis/syarikat adalah sebanyak 4 kompaun. Manakala sebanyak 11,375 kompaun telah dikeluarkan kepada individu menjadikan jumlah keseluruhan kompaun adalah sebanyak 11,379 kompaun. Seramai 21,420 individu yang ditangkap telah didakwa di mahkamah bagi tempoh 18 Mac 2020 sehingga 30 Jun 2020.